



ANWAR Ibrahim menerima sumbangan daripada pelbagai syarikat pada Majlis Penyampaian Sumbangan Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Kekejaman ke atas Palestin cetus malapetaka lain - PM

Oleh FITRI NIZAM
dan HAFIZ SAIDINA UMOR
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kekejaman Israel ke atas penduduk Palestin di Gaza adalah kesan kebencian, kezaliman dan keganasan yang tidak boleh diterima.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, penderitaan dihadapi penduduk Palestin tersebut akan membabitkan malapetaka seterusnya.

Oleh itu, Anwar berkata, Malaysia akan menggunakan semua saluran diplomatik yang ada dengan kerjasama negara sekutu antarabangsa dalam

usaha menghentikan pembunuhan beramai-ramai rakyat Palestin.

Menurut beliau, komitmen Malaysia dalam konflik di Palestin tidak perlu dipersoalkan oleh mana-mana pihak.

“Apa yang kita saksikan di Gaza amat sukar untuk diterima termasuk bagi mereka yang biasa melihat kesannya akibat kebencian, kezaliman dan keganasan.

“Penderitaan mereka tidak terhenti terhadap tragedi yang menimpa bahkan malapetaka yang menanti,” kata beliau ketika berucap pada Perhimpunan Agung Persatuan Un-

dang-Undang Asean ke-14 dan Persidangan Undang-Undang ASEAN 2023 di sini semalam.

Menurut Perdana Menteri, tragedi menimpa rakyat di Gaza ada kaitannya dengan undang-undang justeru, beliau menggesa semua pihak berdiri teguh mempertahankannya ketika bencana besar sedang berlaku.

“Tetapi keluhuran (undang-undang) sukar untuk dipercayai apabila ada sesetengah negara mempunyai komitmen tinggi terhadap kuasa ketenteraan untuk pendudukan, bernaluri kejam, bertujuan untuk melakukan pembunuhan beramai-ramai dan zalim,” katanya.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis agihan sumbangan Tabung Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP) di Putrajaya, Anwar mengingatkan pihak yang menganjurkan kutipan dana kemanusiaan tidak menyalahgunakan kutipan itu.

“Saya juga nak nasihatkan kepada rakan-rakan di masjid, surau dan pihak yang menganjurkan kutipan supaya lebih bertanggungjawab.

“Jangan guna sumbangan itu untuk bina ‘mahligai’ kita masing-masing dan membelanjakan begitu tinggi untuk keendahan pejabat,” kata beliau.